

27 MAY 2003

Dewan-P.Pinang (Rumah)

PEMBANGKANG BIDAS KERAJAAN NEGERI ENGGAN GUNA AKTA PENGAMBILAN TANAH

PULAU PINANG, 27 Mei (Bernama) -- Pembangkang hari ini membidas kerajaan negeri kerana tidak menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengambil alih tanah di Tanjung Tokong bagi mengatasi masalah perumahan yang sesak dan tidak sempurna di kawasan itu.

Ketua pembangkang Abdul Rahman Abdul Kadir (Parti Keadilan Nasional-Penanti) mempersoalkan mengapa kerajaan negeri enggan menggunakan Seksyen 4 dan 8 akta itu untuk memindahkan penduduk terbabit bagi pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana rendah, sebaliknya memberi alasan sukar memindahkan mereka.

"Saya hairan mengapa susah sangat untuk memindahkan penduduk di Tanjong Tokong bagi tujuan pembinaan projek perumahan. Gunakan akta itu seperti mana kerajaan negeri gunakan di kawasan lain seperti di tapak Lebuhraya Jelutong," katanya.

Beliau meminta penjelasan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengenai isu itu semasa Dr Koh menggulung perbahasan usul terima kasih ke atas ucapan Yang Dipertua Negeri pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

Abdul Rahman mendakwa Ketua Menteri mengabaikan pembangunan orang Melayu di Tanjung Tokong, Tanjung Bungah dan Batu Ferringhi seolah-olah kerajaan negeri mahu mewujudkan zon elit di kawasan berkenaan.

Abdul Rahman berkata sejak beliau berkahwin dengan isterinya yang berasal dari Tanjung Tokong lebih 40 tahun lepas, masalah perumahan yang sesak, uzur dan tidak sempurna masih wujud di kawasan berkenaan.

Beliau berkata teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah penempatan penduduk yang tidak seimbang di negeri ini, ketika merasmikan projek tebus guna tanah di Tanjong Tokong pada Sabtu lepas, adalah ikhlas kerana Perdana Menteri melihat sendiri masih terdapat kemiskinan di tengah-tengah kepesatan pembangunan di kawasan itu.

Beliau berkata hakikat itu perlu diakui oleh kerajaan negeri bahawa memang ada ketidakseimbangan pembangunan di kalangan orang Melayu dan mereka masih terpinggir dalam arus pembangunan di negeri ini.

Dr Koh yang membuat penjelasan kemudian berkata kerajaan negeri perlu akur dengan permintaan orang kampung yang mahu kekal tinggal di kawasan itu tanpa dipindahkan ke kawasan perumahan baru.

"Kerajaan negeri perlu mengambil tindakan secara sederhana dan tidak menggunakan paksaan dan keadaan itu akan menyebabkan proses pengambilan semula tanah memakan masa yang panjang," katanya.

Sambil menafikan Pulau Pinang mengabaikan kawasan penempatan orang Melayu di Tanjung Tokong, Dr Koh berkata kerajaan negeri telah mengambil inisiatif melaksanakan projek pembinaan rumah pangsa di kawasan itu dengan kerjasama kerajaan pusat, melalui Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) pada 1980-an.

Menurutnya tiga fasa projek rumah pangsa di kawasan itu siap pada akhir 1980-an tetapi para penduduk di kawasan berkenaan, yang khuatir dengan perubahan corak hidup mereka kerana terpaksa berpindah ke rumah pangsa, telah mengemukakan pelbagai tuntutan.

Beliau berkata UDA menghadapi pelbagai masalah dengan projek perumahan itu seperti tuntutan pampasan yang tinggi, caj bayaran perkhidmatan tertunggak yang tinggi serta tuntutan pembeli supaya harga rumah diturunkan.

"Pada 1996, UDA kerugian kira-kira RM30 juta kerana caj bayaran

perkhidmatan tertunggak dimansuhkan, terpaksa membayar pampasan yang tinggi kepada penduduk dan terpaksa menurunkan harga rumah," katanya.

Beliau berkata ekoran kerugian itu, UDA tidak dapat melaksanakan pembangunan di kawasan berkenaan walaupun kerajaan negeri menawarkan 18.4 hektar tanah tebus guna semulajadi di Rockfield dan 8 hektar lagi di Tanjung Tokong Lama untuk pembangunan projek perumahan.

Dr Koh berkata walaupun UDA merancang pembangunan projek itu pada 1997, ia tidak diteruskan ekoran krisis kewangan dan kejatuhan pasaran perumahan dan hartanah pada waktu itu.

"Saya tidak salahkan UDA kerana tidak melaksanakan projek itu. UDA juga mempunyai pelbagai kesulitan selain masalah kewangan dan penstrukturan semula organisasi yang menyebabkan pelaksanaannya tertangguh," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan negeri turut mengambil kira hasrat penduduk yang enggan berpindah, kedudukan kewangan UDA serta proses pengambilan tanah yang memakan masa panjang yang melewatkan pembangunan projek perumahan berkenaan.

-- BERNAMA

SA ZS NAK